



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 17 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CILI SELUDUP DARI INDIA DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	CUBAAN SELUDUP SATU KONTENA CILI HIJAU INDIA BAWA PADAH, DALAM NEGERI, UM -11	
3.	AGROBANK KOMITED JAMIN BEKALAN MAKANAN NEGARA, BISNES, BH -40	AGROBANK

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Cili seludup dari India dirampas

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUS

KLANG - Cubaan menyeludup masuk 3,073 kilogram (kg) cili hijau daripada India gagal selepas dirampas di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat di sini, Rabu lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor, Dr. Tarmisah Alimin berkata, rampasan itu dilakukan selepas pihaknya menahan satu kontena di pelabuhan tersebut pukul 10 pagi.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati cili hijau itu dibawa masuk tanpa mempunyai sebarang permit import yang sah dikeluarkan oleh Maqis.


"Langkah rampasan itu untuk mengawal perosak alat buah cili

(bactocera latifrons) dan penggunaan sisa racun makhluk perosak supaya mematuhi piawaian yang ditetapkan pihaknya.

"Nilai rampasan kesemua 3,073 kg cili itu bernilai RM17,986.63," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau menegaskan, ini adalah kali pertama rampasan dilakukan terhadap cili-cili daripada India dengan barangan tersebut dipercayai diimport oleh syarikat tempatan untuk pasaran negara ini.

Kes disiasat di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2014 (Akta 728) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000.



CILI hijau India yang berjaya dirampas selepas diseludup masuk tanpa permit di Pelabuhan Klang Barat keharini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Cubaan seludup satu kontena cili hijau India bawa padah

PELABUHAN KLANG: Tindakan sebuah syarikat tempatan membawa masuk cili hijau dari India tanpa permit import sah mengundang padah apabila kontena yang membawa barangan itu dirampas di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat di sini kelmarin.

Rampasan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor itu pada pukul 10 pagi.

Pengarahnya, Dr. Tarmisal Alimin berkata, pihaknya telah melakukan pemeriksaan terhadap kontena tersebut dan mendapati cili hijau yang dibawa masuk itu tidak mempunyai sebarang permit import yang sah dikeluarkan oleh MAQIS.

“Rampasan ini bagi mengawal perosak lalat buah cili (*bactrocera latifrons*) dan penggunaan sisa racun makhluk perosak supaya mematuhi piawaian yang ditetapkan pihaknya.

“Secara keseluruhannya, kita telah merampas 3,073 kilogram cili hijau dari India dianggarkan RM17,986.63,” katanya dalam



CILI hijau daripada India yang dirampas MAQIS selepas diseludup masuk secara haram tanpa permit import MAQIS di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat, Klang kelmarin.

satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, rampasan melibatkan cili dari India itu yang pertama dilakukan dan diper-cayai diimport oleh syarikat tempatan untuk pasaran negara ini.

Kes disiasat di bawah Sek-

syen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Aktā 728) yang memperuntukkan penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

Agrobank komited jamin bekalan makanan negara

Agrobank komited menyumbang kepada pembangunan sistem makanan dengan meningkatkan jaminan bekalan menerusi pelbagai program pembiayaan.

Penanggung Tugasan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, berkata walaupun Malaysia tidak berdepan sebarang krisis jaminan bekalan makanan pada masa ini, namun negara masih perlu bersiap sedia dan menjadikan COVID-19 sebagai peringatan awal untuk bertindak pantas.

"Sebagai bank yang mementingkan pertanian dengan lebih baik, Agrobank komited memberikan penyelesaian pembiayaan komprehensif kepada komuniti pertanian merangkumi pembiayaan untuk aktiviti hulu seperti pembekalan input pengeluaran pertanian serta untuk aktiviti hiliran seperti memproses dan menjual produk pertanian pengguna," katanya dalam satu kenyataan.

Kenyataannya itu adalah sempena Hari Makanan Sedunia yang disambut semalam.

Pada masa ini, Agrobank mempunyai dua program pembiayaan yang memfokuskan kepada peningkatan jaminan bekalan makanan di Malaysia dan membangunkan ketahanan terhadap keselamatan makanan jangka panjang negara ini.

Melalui Dana Agromakanan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), sebanyak RM350 juta diperuntukkan untuk memastikan kelangsungan, selain memacu daya maju pengusaha komoditi pertanian serta makanan.

Dana ini disediakan kepada semua pengusaha sektor pertanian dan makanan yang layak, termasuk di Sabah dan Sarawak, melalui Skim Pembiayaan Kredit Mikro Agrobank.

Melalui program ini, kemudahan pembiayaan mencecah RM50,000 boleh ditawarkan kepada setiap pengusaha sehingga lima tahun dengan kadar 3.5 peratus dan tidak memerlukan sebarang cagaran.

Selain itu, Agrobank juga menawarkan dana Agrofood Facility (AF) melalui Bank Negara Malaysia (BNM), dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1 bilion.

Ia bertujuan membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkatkan pengeluaran makanan untuk pasaran domestik dan untuk tujuan eksport.

Di bawah program pembiayaan ini, pemohon yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM150,000 bagi tempoh sehingga lapan tahun.